

PANDUAN DASAR

DASAR PENDEDAHAN MAKLUMAT KUMPULAN

NOMBOR: COMP-02GPT | TARIKH KUATKUASA ASAL: 01/01/2026

ISI KANDUNGAN:

- 1.0 Tujuan Dasar Pendedahan Maklumat Kumpulan
- 2.0 Skop dan Definisi
- 3.0 Perlindungan Pemberi Maklumat
- 4.0 Apakah yang harus dilaporkan di bawah Dasar ini?
- 5.0 Kepada siapa dan bagaimana harus saya melaporkannya?
- 6.0 Bolehkah saya melaporkan kebimbangan di luar GPT?
- 7.0 Kandungan Laporan
- 8.0 Kerahsiaan/Tanpa Nama
- 9.0 Penilaian dan pengendalian Laporan
- 10.0 Pengekalan Laporan
- 11.0 Larangan Pembalasan
- 12.0 Pemprosesan Maklumat Peribadi
- 13.0 Pengawasan Sistem Laporan
- 14.0 Laporan ke Pihak Berkuasa Kerajaan dan Kawal Selia
- 15.0 Penerusan dan pengubahsuaian

LAMPIRAN A: Peruntukan Tambahan Khusus Negara (mengikut wilayah)

- Austria
- Republik Czech
- Denmark
- Jerman
- Itali

1.0 TUJUAN DASAR PENDEDAHAN MAKLUMAT KUMPULAN

Grain & Protein Technologies (“GPT”, “Kumpulan”) adalah komited dalam mengekalkan standard tertinggi integriti, etika dan pematuhan di dalam semua aspek perniagaannya. Ia percaya bahawa tingkah laku yang beretika, telus dan bertanggungjawab adalah asas dalam membina kepercayaan dengan pekerja, pihak berkepentingan dan komuniti di mana ia beroperasi.

Sejajar dengan komitmen ini, GPT menggalakkan semua individu, sama ada di dalam GPT mahupun di kalangan pihak ketiga yang berinteraksi dengan GPT dalam konteks berkaitan pekerjaan untuk melaporkan sebarang kecurigaan salah laku, penyelewengan, pelanggaran undang-undang atau dasar dalaman. Laporan sedemikian adalah penting untuk menjaga integriti dan reputasi GPT, dan untuk memastikan tempat kerja yang selamat, adil dan patuh.

Dasar Global ini terpakai di peringkat global dan direka bentuk untuk mematuhi undang-undang perlindungan pemberi maklumat yang terpakai di biang kuasa di mana GPT beroperasi. Ia menggariskan apa yang boleh dilapor, bagaimana laporan dikemukakan, langkah-langkah prosedur yang dilakukan selepas laporan diterima, dan perlindungan yang ditawarkan kepada mereka mengemukakan kebimbangan.

Jika terdapat sebarang konflik di antara Dasar ini dan perundangan yang terpakai, peruntukan undang-undang akan diutamakan. Dasar ini terpakai kepada semua ahli Kumpulan GPT, tetapi disebabkan oleh keperluan undang-undang tempatan yang berlainan, kami telah mewujudkan lampiran atau dasar tempatan berasingan untuk menangani keperluan khusus dan memastikan pematuhan dengan peraturan negara.

GPT melarang keras tindakan balas terhadap sesiapa yang melaporkan salah laku dengan niat baik atau mengambil bahagian dalam siasatan berkaitan. Individu berkenaan dilindungi daripada diskriminasi, gangguan atau sebarang layanan buruk yang terhasil daripada laporan mereka seperti yang dijelaskan selanjutnya dalam Dasar ini.

2.0 SKOP DAN DEFINISI

Mana-mana individu, termasuk pihak luar, yang telah memperoleh maklumat mengenai pelanggaran dalam konteks berkaitan kerja boleh mengemukakan laporan. Ini termasuk khususnya:

- pekerja dan pegawai semasa atau bekas pekerja dan pegawai GPT;
- individu bekerja sendiri dan kontraktor yang menyediakan perkhidmatan kepada Kumpulan;
- pemegang saham dan ahli badan GPT, termasuk ahli bukan eksekutif;
- sukarelawan, pelatih berbayar atau tidak berbayar;
- individu yang bekerja di bawah penyeliaan dan arahan kontraktor, sub-kontraktor dan pembekal;
- rakan perniagaan, termasuk pelanggan, pembekal, penasihat, ejen dan pekerjanya, yang mempunyai atau pernah mempunyai perhubungan profesional dengan GPT.

3.0 PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Bagi tujuan Dasar ini, Pemberi Maklumat adalah mana-mana individu yang mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa salah laku, situasi tidak wajar, atau pelanggaran undang-undang atau dasar dalaman telah berlaku berhubung dengan GPT ("Tingkah Laku Yang Boleh Dilaporkan") dan yang mendedahkan kebimbangan tersebut melalui salah satu saluran pelaporan yang dijelaskan dalam Dasar ini.

GPT komited dalam melindungi individu yang mengemukakan laporan dengan niat baik dan selaras dengan Dasar ini ("Pendedahan Yang Dilindungi"). Pemberi Maklumat tidak boleh mengalami sebarang bentuk tindakan balas, diskriminasi, gangguan atau kerugian akibat daripada melakukan Pendedahan Yang Dilindungi.

Identiti Pemberi Maklumat, dan sebarang maklumat yang daripadanya identiti individu berkenaan mungkin dapat disimpulkan secara langsung atau tidak langsung, akan dirahsiakan sepenuhnya dan tidak akan didedahkan tanpa persetujuan jelas Pemberi Maklumat, kecuali:

- Jika dikehendaki oleh undang-undang terpakai;
- Jika pendedahan adalah wajar untuk menyiasat laporan atau untuk mematuhi prosiding undang-undang, dengan syarat kerahsiaan dipelihara setakat yang dibenarkan oleh undang-undang; atau
- Jika pendedahan dibuat kepada pihak berkuasa kawal selia yang kompeten, agensi penguatkuasaan undang-undang atau penasihat profesional yang terikat dengan kewajipan kerahsiaan.

4.0 APAKAH YANG HARUS DILAPORKAN DI BAWAH DASAR INI?

Sebarang perkara yang dipercayai secara munasabah melanggar dasar, standard etika atau undang-undang dan peraturan GPT yang berkenaan haruslah dilaporkan mengikut Dasar ini.

Contoh-contoh Tingkah Laku yang Boleh Dilaporkan termasuk:

- pelanggaran undang-undang atau peraturan;
- aktiviti yang menyalahi undang-undang, rasuah, penipuan atau bukan kebiasaan yang melibatkan penggunaan dana, aset atau harta benda GPT;
- kelakuan haram atau jenayah, termasuk kecurian, penjualan atau penggunaan dadah, keganasan atau ancaman keganasan;
- pelanggaran dasar dan prosedur GPT (termasuk tetapi tidak terhad kepada Kod Tatalaku);
- kelakuan yang menimbulkan risiko ketara kepada kesihatan, keselamatan atau persekitaran awam;
- kelakuan yang tidak jujur, tidak beretika atau mendera di tempat kerja;
- penipuan kewangan, salah urus atau penyelewengan perakaunan;
- kelakuan yang boleh merosakkan kedudukan kewangan, reputasi atau kepercayaan pihak berkepentingan GPT;

- kecuiaan melampau, diskriminasi, gangguan atau kelakuan yang menindas;
- penyembunyian atau percubaan menyembunyikan salah laku atau keadaan yang tidak wajar;

Contoh tambahan, di mana diperlukan oleh undang-undang pendedahan maklumat tempatan, Lampiran khusus negara Dasar ini memperincikan dengan lebih lanjut.

Pilihan “Tanya Soalan” boleh juga digunakan tanpa mengemukakan laporan rasmi. Dalam kes sedemikian, GPT akan menilai soalan tersebut dan memberikan respons. Jika perkara tersebut kelihatan termasuk dalam skop Tingkah Laku yang Boleh Dilaporkan, GPT boleh, mengikut budi bicaranya, mengklasifikasikan semula soalan tersebut sebagai laporan untuk memastikan ia dikendalikan dengan sewajarnya di bawah Dasar ini.

Kelakuan yang Boleh Dilaporkan mesti dibezakan daripada rungutan berkaitan kerja peribadi. Rungutan berkaitan kerja peribadi merujuk kepada sebarang perkara yang berkaitan dengan pekerjaan semasa atau sebelumnya yang memberi kesan kepada individu secara peribadi tetapi tidak menunjukkan salah laku atau pelanggaran undang-undang atau dasar dalaman.

Contoh rungutan berkaitan kerja peribadi termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- konflik atau pertikaian interpersonal antara pekerja;
- keputusan berkaitan pemindahan, kenaikan pangkat atau penilaian prestasi;
- langkah tatatertib, amaran atau keputusan penamatan pekerjaan.

Laporan yang mendakwa diskriminasi, gangguan, tindakan balas atau pelanggaran undang-undang pekerjaan lain tidak dianggap sebagai rungutan berkaitan kerja peribadi dan termasuk dalam skop Dasar ini. Rungutan berkaitan kerja peribadi, seperti yang diterangkan di atas, yang tidak melibatkan Kelakuan yang Boleh Dilaporkan biasanya paling baik dikendalikan melalui pengurus langsung, pemimpin atau saluran Sumber Manusia, yang berfungsi untuk menangani kebimbangan berkaitan pekerjaan secara adil dan segera.

Jika anda tidak pasti sama ada sesuatu kebimbangan termasuk dalam Dasar ini, anda boleh menghubungi Jabatan Perundangan & Pematuhan GPT di GPTCompliance@grainproteintech.com untuk panduan sulit tentang cara terbaik untuk meneruskan.

5.0 KEPADA SIAPA DAN BAGAIMANA SAYA HARUS MELAPORKAN?

GPT telah menubuhkan saluran pendedahan maklumat yang selamat dan sulit bagi penyerahan laporan.

Jika dikehendaki oleh Arahan Pendedahan Maklumat EU (EU) 2019/1937 atau perundangan persekutuan, negeri atau tempatan lain yang berkenaan, GPT telah melantik Pegawai yang Ditetapkan, yang diberi kuasa untuk menerima dan membuat susulan laporan pendedahan maklumat mengikut keperluan undang-undang.

Kakitangan dan individu lain yang layak yang ingin membuat laporan boleh, selain daripada menyerahkannya terus kepada Penasihat Undang-Undang & Ketua Pematuhan atau wakil pengurusan lain, memilih untuk melaporkan secara sulit dan, jika diperlukan, secara tanpa nama, melalui talian GPT Alertline. Tiada apa-apa dalam Dasar ini memerlukan individu melaporkan secara dalaman sebelum melaporkan kebimbangan kepada pihak berkuasa kerajaan atau kawal selia di mana pelaporan tersebut dilindungi oleh undang-undang yang terpakai.

GPT Alertline dikuasakan oleh NAVEX, sebuah perkhidmatan pihak ketiga bebas yang digunakan oleh GPT untuk menerima dan mendokumentasikan laporan daripada kakitangan dan pihak luaran, dan menghantarnya dengan selamat kepada kakitangan dalaman yang bertanggungjawab untuk penilaian dan susulan. Ia dikendalikan di luar laman web dan rangkaian korporat Syarikat untuk memastikan kerahsiaan dan kebebasan.

AlertLine menyediakan pilihan laporan berasaskan web dan telefon. Pautan dan nombor telefon yang berkaitan boleh didapati dengan mudah di laman web GPT ([GPT Alertline](#)) dan di laman web setiap syarikat kumpulan GPT seperti yang dinyatakan dalam Lampiran khusus negara Dasar ini.

Sebaik sahaja log masuk ke AlertLine, Pemberi Maklumat boleh menggunakan menu khusus untuk memilih negara syarikat Kumpulan tertentu yang berkaitan dengan laporan tersebut sebelum penyerahan.

Saluran pendedahan maklumat membolehkan laporan dibuat secara bertulis atau melalui GPT Alertline. Atas permintaan anda, pemberi maklumat juga boleh meminta untuk membuat laporan melalui pertemuan secara bersemuka dengan Pegawai yang Ditetapkan. Mesyuarat sedemikian akan diatur dalam jangka masa yang munasabah selepas permintaan dibuat, selaras dengan undang-undang yang terpakai. Sebarang rakaman audio memerlukan persetujuan jelas daripada Pemberi Maklumat; jika tidak, rekod atau ringkasan bertulis akan disediakan dan ditandatangani.

Jika, atas apa jua sebab dan dengan apa jua cara, laporan yang berada di bawah skop Dasar ini diterima di luar saluran pendedahan maklumat yang ditetapkan, pegawai yang menerimanya mesti segera memastikan kerahsiaan semua maklumat yang disertakan dalam laporan tersebut.

Penerima laporan adalah dilarang sama sekali mendedahkan identiti Pemberi Maklumat, orang yang dilaporkan, atau mana-mana individu lain yang disebut dalam laporan tersebut, serta sebarang maklumat yang secara langsung atau tidak langsung boleh membawa kepada pengenalanpastian mereka. Penerima juga mesti menasihati Pemberi Maklumat untuk mengikuti prosedur laporan rasmi yang ditetapkan oleh Dasar ini dan/atau menghantar segera laporan tersebut kepada Jabatan Perundangan dan Pematuhan GPT, dalam apa jua keadaan, tidak lewat daripada tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan. Sebaik sahaja pengesahan penerimaan diperoleh daripada pengendali laporan yang ditetapkan, sebarang salinan atau rekod laporan (termasuk emel atau nota) mesti dipadamkan dengan selamat untuk memastikan kerahsiaan penuh dan pematuhan perlindungan data.

6.0 BOLEHKAH SAYA MELAPORKAN KEBIMBANGAN DI LUAR GPT?

Pemberi maklumat sangat digalakkan untuk menggunakan saluran laporan dalaman yang ditetapkan oleh GPT.

Walau bagaimanapun, di bawah syarat-syarat tertentu yang ditakrifkan oleh undang-undang dan peraturan yang terpakai, individu juga boleh membuat laporan luaran secara langsung kepada pihak berkuasa berwibawa mengikut peraturan tempatan dan/atau antarabangsa yang berkaitan.

Pelapor harus merujuk kepada Lampiran khusus negara dalam Dasar ini untuk butiran lanjut tentang prosedur laporan luaran dan pihak berkuasa berwibawa yang terpakai di bidang kuasa mereka.

7.0 KANDUNGAN LAPORAN

Untuk membolehkan GPT bertindak balas dan, jika sesuai, menyiasat dakwaan dengan berkesan, laporan hendaklah berdasarkan fakta dan bukannya spekulasi dan merangkumi seberapa banyak mungkin maklumat khusus. Ini membolehkan GPT menilai dengan betul sifat, tahap dan keperluan segera perkara yang dilaporkan.

Untuk penilaian dan penyiasatan yang baik, adalah dinasihatkan agar laporan tersebut merangkumi, jika ada, maklumat berikut:

- I. Latar belakang dan keterangan kebimbangan, termasuk fakta dan sebab yang berkaitan untuk laporan tersebut;
- II. nama individu yang terlibat atau terbabit;
- III. nama mana-mana saksi;
- IV. tarikh, masa dan tempat kejadian;
- V. butiran atau sebarang salinan bukti atau dokumentasi sokongan;
- VI. maklumat mengenai sebarang dana, aset atau kepentingan yang terjejas;
- VII. petunjuk tentang kekerapan kejadian itu berlaku (jika berkenaan).

Mekanisme Pendedahan Maklumat tidak boleh digunakan secara tidak wajar. Laporan yang dibuat dengan niat jahat, termasuk yang sengaja dipalsukan atau dibuat semata-mata untuk menjejaskan orang lain, adalah dilarang sama sekali. Perbuatan sedemikian boleh mengakibatkan tindakan tatatertib atau, jika berkenaan, tindakan undang-undang, mengikut undang-undang negeri yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, tiada tindakan akan diambil terhadap Pemberi Maklumat yang mengemukakan laporan dengan niat baik, walaupun fakta yang dilaporkan kemudiannya didapati salah atau tidak berasas.

GPT komited untuk melindungi Pemberi Maklumat yang berniat baik daripada tindakan balas dan memastikan mekanisme laporan digunakan secara bertanggungjawab dan beretika.

8.0 KERAHSIAAN/TANPA NAMA

Pelapor dakwaan memilih melapor secara terbuka, dan bukan tanpa nama

GPT menggalakkan budaya terbuka dan telus serta menggalakkan individu untuk mengemukakan sebarang kebimbangan secara terbuka, jika boleh. Melakukan demikian memudahkan penilaian, penyiasatan dan tindakan susulan yang lebih berkesan.

Apabila Pemberi Maklumat memilih untuk memberikan pengenalan mereka bersama laporan, GPT akan melakukan segala usaha yang munasabah untuk memastikan identiti Pemberi Maklumat dirahsiakan, melainkan pendedahan tersebut diperlukan oleh undang-undang, peraturan atau prosiding kehakiman berkenaan. Dalam semua kes, laporan akan dikendalikan mengikut peraturan perlindungan data dan pemberi maklumat berkenaan.

Pelapor dakwaan memilih untuk melapor secara tanpa nama

GPT menyedari bahawa, dalam beberapa situasi, Pemberi Maklumat mungkin berasa lebih selesa melaporkan kebimbangan secara tanpa nama. Kemungkinan untuk mengemukakan laporan tanpa nama bergantung pada undang-undang dan peraturan terpakai. Jika dibenarkan, laporan sedemikian akan dinilai dan, jika boleh, disiasat dengan secara teliti sama seperti laporan bukan tanpa nama.

Pemberi Maklumat yang pada mulanya melaporkan secara tanpa nama – atau siapa, di mana dan bila dibenarkan oleh undang-undang terpakai, membuat pendedahan awam tanpa nama – akan kekal dilindungi di bawah Dasar ini jika identiti mereka didedahkan kemudian, dengan syarat mereka memenuhi syarat-syarat lain yang dinyatakan dalam Dasar ini.

Walau bagaimanapun, Pemberi Maklumat harus sedar bahawa, dalam beberapa kes, mungkin sukar untuk menjalankan siasatan penuh dengan baik tanpa mengetahui identiti pelapor, terutamanya apabila penjelasan susulan, soal siasat atau pengesahan fakta diperlukan.

9.0 PENILAIAN DAN PENGENDALIAN LAPORAN

GPT memandang serius setiap laporan pelanggaran yang disyaki atau berpotensi. Semua laporan yang dihantar melalui saluran pendedahan maklumat yang ditetapkan akan dikendalikan secara adil, sewajarnya dan tanpa berlengah. Pemberi Maklumat akan menerima akuan penerimaan laporan dalam tempoh tujuh hari (7) dari tarikh ia diterima. Akuan penerimaan mungkin lewat diterima jika tindakan segera diperlukan untuk memelihara bukti atau menangani risiko yang akan berlaku, selaras dengan undang-undang terpakai.

GPT komited untuk memastikan susulan yang teliti dan saksama terhadap semua laporan. Siasatan dijalankan oleh kakitangan berkelayakan atau pakar dan perunding luaran, jika sesuai. GPT memastikan bahawa semua fakta yang berkaitan dikumpul, didokumen dan dinilai secara objektif dengan penuh kerahsiaan dan kewajipan perlindungan data. Atas sebab ini, keperluan untuk kerahsiaan, perlindungan privasi dan pematuhan dengan kewajipan undang-undang

berkenaan mungkin menghadkan sejauh mana butiran khusus tentang siasatan, tindakan yang diambil atau tindakan yang terhasil boleh dikongsi dengan Pemberi Maklumat. Sebarang maklumat yang diberikan kepada Pemberi Maklumat mengenai kemajuan yang dicapai atau hasil siasatan mesti dianggap sulit sepenuhnya.

GPT akan memberikan maklum balas kepada Pemberi Maklumat dalam tempoh masa yang munasabah, dan dalam apa jua keadaan tidak lewat daripada tiga (3) bulan dari:

- akuan penerimaan laporan;
- jika tiada akuan penerimaan dihantar, tamat tempoh akuan penerimaan selepas tujuh hari.

GPT tidak dapat menjamin hasil siasatan akan selaras dengan jangkaan atau hasil yang diinginkan oleh Pemberi Maklumat. Walau bagaimanapun, ia komited sepenuhnya untuk memastikan semua kebimbangan dilayan secara adil, hormat dan tekun.

Jika, semasa penilaian atau siasatan, didapati bahawa fakta yang dinyatakan dalam laporan itu mungkin merupakan kesalahan jenayah, pengendali laporan yang ditetapkan, dengan persetujuan fungsi korporat dan pengurusan kumpulan kompeten lain, akan menilai sama ada, bila dan bagaimana untuk merujuk perkara tersebut kepada pihak berkuasa kehakiman atau badan kawal selia kompeten, selaras dengan undang-undang dan peraturan tempatan terpakai.

10.0 SIMPANAN LAPORAN

Salinan bertulis dan elektronik semua laporan akan disimpan dengan selamat mengikut jadual pengekalan data yang didokumenkan oleh GPT. Laporan yang dihantar melalui talian GPT Alertline akan disimpan secara elektronik dalam platform laporan selamat NAVEX.

Semua laporan dan dokumen sokongan akan hanya akan disimpan selagi ia diperlukan untuk mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan berkenaan.

Jika sesuai, GPT akan menjadikan sebarang data peribadi tanpa nama atau nama samaran yang disertakan dalam laporan, dalam tempoh masa yang munasabah, selepas siasatan selesai, selaras dengan semua undang-undang perlindungan data berkenaan, termasuk, jika berkenaan, Peraturan Perlindungan Data Umum (GDPR).

11.0 LARANGAN TINDAKAN BALAS

Tindakan balas bermaksud sebarang tindakan atau perkara yang tidak disertakan langsung atau tidak langsung yang berlaku dalam konteks berkaitan kerja yang timbul akibat laporan dalaman atau luaran, atau pendedahan awam yang dibuat di bawah Dasar ini, dan menyebabkan atau boleh menyebabkan kemudaratan yang tidak wajar dan tidak adil kepada Pemberi Maklumat.

Pemberi Maklumat yang mengutarakan kebimbangan dengan niat baik tentang suatu perkara yang dilindungi oleh Dasar ini, tidak akan mengalami sebarang bentuk tindakan balas. Mana-

mana individu yang terlibat dalam tindakan balas, boleh dikenakan tindakan tatatertib, termasuk pemecatan, tanpa mengira jawatan dan pangkat.

GPT komited sepenuhnya untuk melindungi Pemberi Maklumat yang membuat pendedahan berniat baik daripada tindakan balas, gangguan, atau sebarang layanan buruk. Semua Pemberi Maklumat akan dilayan dengan hormat, bermaruah, dan kerahsiaan sepanjang proses berkenaan.

Tindakan balas termasuk, tetapi tidak terhad kepada, ancaman atau cubaan tindakan balas, dan mungkin berbentuk:

- penggantungan, pemberhentian kerja, pemecatan atau langkah yang sama;
- penurunan pangkat atau penangguhan kenaikan pangkat;
- pemindahan tugas, perubahan lokasi tempat kerja, pengurangan gaji atau perubahan waktu bekerja;
- penilaian prestari atau rujukan pekerjaan negatif;
- tindakan tatatertib, teguran atau penalti lain, termasuk penalti kewangan;
- paksaan, intimidasi, gangguan atau pengasingan;
- diskriminasi atau bentuk layanan yang merugikan atau tidak adil;
- kegagalan untuk menukar kontrak pekerjaan tempoh tetap ke kontrak tetap di mana terdapat jangkaan sah;
- tidak memperbaharui atau penamatan awal kontrak pekerjaan sementara;
- kerosakan reputasi (termasuk melalui media sosial), atau kerugian kewangan, seperti kehilangan perniagaan atau pendapatan;
- disenaraihitamkan dalam sektor atau seluruh industri, secara formal ataupun tidak formal;
- penamatan awal atau pembatalan kontrak bagi barangan atau perkhidmatan;
- penarikan balik atau penolakan lesen atau permit;
- rujukan psikiatri atau perubatan yang tidak wajar;

Langkah-langkah perlindungan yang dinyatakan dalam Dasar ini juga meliputi, jika berkenaan, kepada:

- Fasilitator, bermaksud individu yang membantu Pemberi Maklumat dalam proses laporan dalam konteks berkaitan kerja, dan bantuannya hendaklah dirahsiakan;
- Orang ketiga yang berkaitan dengan Pemberi Maklumat yang mungkin menghadapi tindakan balas dalam konteks berkaitan kerja, seperti rakan sekerja atau saudara mara; dan
- Entiti sah yang dimiliki oleh, bekerja untuk, atau berkaitan dengan Pemberi Maklumat dalam kapasiti profesional.

12.0 PEMROSESAN MAKLUMAT PERIBADI

Sebarang pemprosesan data peribadi yang dijalankan menurut Dasar ini, termasuk penghantaran atau pertukaran maklumat dengan pihak berkuasa, hendaklah mematuhi semua

undang-undang perlindungan data berkenaan. Begitu juga, laporan yang melibatkan entiti atau individu yang terletak di bawah bidang kuasa berbeza boleh dikongsi antara entiti GPT berkaitan hanya atas dasar keperluan pengetahuan dan mematuhi undang-undang perlindungan data dan pendedahan maklumat berkenaan.

Data peribadi yang jelas tidak berkaitan dengan pengendalian laporan tertentu tidak akan dikumpulkan atau, jika dikumpulkan secara tidak sengaja, akan dipadamkan segera.

GPT hendaklah memastikan bahawa semua data peribadi yang diproses berkaitan laporan pendedahan maklumat dikendalikan dengan selamat, sah dan seimbang, dengan akses terhad kepada pegawai yang diberi kuasa untuk memproses data peribadi bagi tujuan sah.

13.0 PENGAWASAN SISTEM LAPORAN

Keberkesanan Dasar ini dan fungsi sistem pendedahan maklumat disemak secara berkala oleh Jabatan Perundangan & Pematuhan GPT. Dasar ini mungkin dikemas kini selaras dengan perubahan undang-undang dan peraturan berkenaan, struktur organisasi atau standard amalan terbaik.

14.0 LAPORAN KEPADA PIHAK BERKUASA KERAJAAN DAN KAWAL SELIA

Prosedur ini tidak bertujuan untuk mengehendkan hak kakitangan untuk melaporkan dakwaan pelanggaran berkaitan perakaunan atau pengauditan sahaja kepada pihak berkuasa kerajaan dan kawal selia berkenaan.

15.0 PENERUSAN DAN PENGUBAHSUAIAN

Seperti mana-mana dasar atau program bermanfaat, Grain & Protein Technologies berhak tanpa had, selaras dengan undang-undang, menyemak, mempertimbangkan semula, mentafsir, meminda, mengubah suai, menggantung atau menghentikan semua atau mana-mana bahagian dasar, pelan atau program pada bila-bila masa dengan atau tanpa notis. Jika mana-mana peruntukan dasar in bercanggah atau melanggar mana-mana statut atau peraturan terpakai, peruntukan statut atau peraturan tersebut akan diutamakan. Tiada pengubahsuaian, penggantungan atau pemberhentian Dasar ini akan menjejaskan perlindungan yang diberikan kepada Pemberi Maklumat di bawah undang-undang terpakai.

SOALAN MENGENAI PANDUAN DASAR INI PERLU DIRUJUK KEPADA JABATAN PERUNDANGAN & PEMATUHAN.

Keterangan	Tarikh Kuatkuasa	Perubahan Dibuat Mengikut Nama dan Jawatan
Ciptaan Dasar	01/01/2026	Patrick Rykhus, GC

LAMPIRAN A: Peruntukan Tambahan Khusus Negara (mengikut wilayah)

Lampiran ini menekankan negara-negara tertentu di mana GPT beroperasi yang mempunyai undang-undang berkaitan Pemberi Maklumat yang mungkin terpakai kepada situasi anda sebagai Pemberi Maklumat.

AUSTRIA

1.0 RINGKASAN

Lampiran Dasar ini bertujuan untuk menambah Dasar Pendedahan Maklumat Kumpulan GPT sedia ada dengan menangani perubahan perundangan khusus yang telah dilaksanakan di Austria menurut Arahan EU 2019/1937 mengenai Perlindungan Individu yang Melaporkan Pelanggaran Undang-undang Kesatuan (Arahan Pendedahan Maklumat) dan peraturan tempatan [Akta Perlindungan Pemberi Maklumat Austria (*HinweisgeberInnenschutzgesetz* – “HSchG”)].

Oleh itu, Lampiran Dasar ini menangani perbezaan dalam aplikasi Dasar Global yang terpakai dalam entiti GPT di Austria iaitu: Cimbria Heid GmbH ("Syarikat") dan mengandungi peruntukan tempatan khusus tentang entiti Austria dan terpakai kepada semua individu yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Dasar ini dan setakat ini hanya HSchG terpakai.

2.0 PERUNTUKAN TEMPATAN KHUSUS YANG BERBEZA DARIPADA DASAR

2.1 Skop berdasarkan HSchG

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat Austria (HSchG) terpakai sekiranya berlaku pelanggaran dalam bidang berikut:

- Perolehan Awam;
- Perkhidmatan kewangan, produk kewangan dan pasaran kewangan serta pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan;
- Keselamatan dan pematuhan produk;
- Keselamatan jalan raya;
- Perlindungan alam sekitar;
- Perlindungan radiasi dan keselamatan nuklear;
- Keselamatan makanan dan makanan haiwan, kesihatan haiwan dan kebajikan haiwan;
- Kesihatan Awam;
- Perlindungan pengguna;
- Perlindungan privasi dan data peribadi serta keselamatan rangkaian dan sistem maklumat;
- Pencegahan dan hukuman kesalahan jenayah menurut §§ 302 hingga 309 Kanun Jenayah (StGB), Warta Undang-undang Persekutuan | No. 60/1974;
- Kepentingan kewangan Kesatuan dalam erti kata Perkara 325 Perjanjian tentang Fungsi Kesatuan Eropah (TFEU), contohnya penggunaan dana Eu yang tidak betul;
- Peraturan pasaran dalaman dalam erti kata Perkara 26 (2) TFEU dan peraturan Kesatuan tentang persaingan dan bantuan negara.

2.2 PERTEMUAN SECARA BERSEMUKA

Sekiranya Pemberi Maklumat ingin membuat laporan melalui pertemuan secara bersemuka dengan Pegawai yang Ditetapkan, pertemuan tersebut hendaklah berlaku dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar selepas permintaan dibuat.

2.3 TEMPOH MAKLUM BALAS

GPT akan memberi maklum balas kepada Pemberi Maklumat mengenai laporan yang dikemukakan dalam masa yang munasabah, iaitu tidak lebih daripada tiga (3) bulan selepas laporan dibuat.

3.0 SALURAN LAPORAN LUAR

Pemberi Maklumat sangat digalakkan untuk melaporkan kebimbangan menggunakan saluran dalaman. Walau bagaimanapun, jika pilihan sedemikian tidak boleh dilakukan atau tidak sesuai, jika tidak munasabah untuk mengendalikan maklumat dalam sistem pemberi maklumat dalaman atau jika ia terbukti tidak berjaya atau sia-sia, Pemberi Maklumat boleh mengemukakan laporan di luar kepada [Federal Bureau of Anti-Corruption and Prevention of Corruption](#) (Bundesamt zur Korruptionsprävention und Korruptionsbekämpfung).

§ 15 (2) HschG menamakan Saluran Laporan Luar tambahan berikut:

- Auditor supervisory authority (on the basis of the Auditor Supervision Act);
- Pihak berkuasa penyeliaan juruaudit (berdasarkan Akta Penyeliaan Juruaudit);
- Pihak berkuasa perakaunan (berdasarkan Akta Perakaunan);
- Pihak Berkuasa Persaingan Persekutuan (berdasarkan Akta Persaingan);
- Pihak Berkuasa Pasaran Kewangan (berdasarkan Akta Pihak Berkuasa Pasaran Kewangan);
- Pejabat Laporan Pengubahan Wang Haram (berdasarkan Akta Pejabat Polis Jenayah Persekutuan);
- Dewan Notari (berdasarkan Kod Notari);
- Badan Peguam (berdasarkan Statut Tatatertib bagi Peguam dan Peguam Pelatih);
- Dewan Perunding Cukai dan Juruaudit (berdasarkan Akta Profesion Perakaunan Awam).

3.1 PENDEDAHAN AWAM

Pendedahan awam hanya boleh dibuat di bawah syarat-syarat yang dinyatakan dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat Austria dan pendedahan di luar syarat-syarat tersebut boleh mengakibatkan kehilangan perlindungan.

Pemberi Maklumat boleh membuat laporan di luar dalam keadaan berikut:

- Telah membuat laporan melalui saluran pemberi maklumat dalaman dan luaran (atau hanya secara luaran kepada pihak berkuasa berwajib) tetapi tiada tindakan sewajarnya diambil atau bertujuan untuk diambil dalam tempoh:
 - I. tiga (3) bulan selepas laporan dihantar melalui saluran pemberi maklumat dalaman atau

- II. tiga (3) bulan (atau sehingga enam (6) bulan dalam kes yang wajar) selepas laporan dihantar melalui saluran pemberi maklumat di luar;
- Mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa:
 - I. pelanggaran yang dirujuk dalam laporan boleh membawa ancaman yang akan berlaku atau jelas kepada kepentingan awam, seperti jika terdapat situasi kecemasan atau risiko kerosakan yang tidak dapat dipulihkan; atau;
 - II. mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa, jika laporan dibuat melalui sistem laporan di luar, terdapat risiko tindakan balas, atau kemungkinan kecil isu tersebut akan dikendalikan dengan berkesan. Ini mungkin kerana bukti mungkin disembunyikan atau dimusnahkan, atau kerana pihak berkuasa yang terlibat tidak boleh dipercayai atau terlibat dengan masalah tersebut.

4.0 PEGAWAI YANG DITETAPKAN

Syarikat telah melantik **Pegawai Yang Ditetapkan** untuk mengurus saluran laporan dalaman, yang dilatih khusus dan memenuhi keperluan kebebasan dan kesaksamaan:

- Pengurus Pematuhan Global (Global Compliance Manager); dan
- Pengurus Undang-undang, EMEA (Legal Manager, EMEA).

Pegawai Yang Ditetapkan bertindak secara autonomi dan tanpa konflik kepentingan, memastikan kerahsiaan secara automatik, dan mengendalikan laporan mengikut undang-undang terpakai dan Dasar ini.

Sekiranya terdapat sebarang konflik kepentingan yang sebenar, berpotensi, atau dirasakan, Pegawai Yang Ditetapkan hendaklah berkecuali, dan kes tersebut akan segera ditugaskan kepada Pegawai Yang Ditetapkan lain (atau kepada pengganti yang dilantik dengan sewajarnya) untuk menjamin kesinambungan, berkecuali, dan susulan yang tepat pada masa.

5.0 PERLINDUNGAN DARIPADA TINDAKAN BALAS DAN KERAHSIAAN

Tindakan balas terhadap Pemberi Maklumat yang berniat baik mengutarakan kebimbangan yang melibatkan perkara yang dilindungi oleh HSchG (lihat Bahagian 1.0 di atas) adalah tidak sah dari segi undang-undang.

6.0 PEMROSESAN MAKLUMAT PERIBADI

Selain peruntukan undang-undang yang dinyatakan dalam Bahagian 11.0 Dasar di Austria, pemprosesan data peribadi berkenaan laporan pendedahan maklumat dikawal oleh Bahagian 9 HSchG serta peruntukan Akta Perlindungan Data Austria (*Datenschutzgesetz* – “DSG”).

6.1 TEMPOH PENYIMPANAN

Data peribadi mesti disimpan oleh GPT selama lima (5) tahun selepas kes laporan ditutup dan selepas itu selama mana ia diperlukan untuk menjalankan prosiding pentadbiran atau

kehakiman yang telah dimulakan atau prosiding penyiasatan di bawah Kanun Prosedur Jenayah *Strafprozessordnung* – “StPO”).

Operasi pemprosesan yang sebenarnya dijalankan, seperti perubahan, pertanyaan dan penghantaran, mesti disimpan tiga (3) tahun selepas kewajipan penyimpanan lima (5) tahun terhenti terpakai.

REPUBLIK CZECH

1.0 RINGKASAN

Lampiran Dasar ini bertujuan untuk menambah Dasar Pendedahan Maklumat Kumpulan GPT sedia ada dengan menangani perubahan perundangan khusus yang telah dilaksanakan di Republik Czech menurut Arahan EU 2019/1937 mengenai Perlindungan Individu yang Melaporkan Pelanggaran Undang-undang Kesatuan (Arahan Pendedahan Maklumat) dan peraturan tempatan. Asas perundangan utama berkenaan dengan pendedahan maklumat di Republik Czech ialah Akta No. 171/2023 Coll., mengenai Perlindungan Pemberi Maklumat ("Akta Perlindungan Pemberi Maklumat Czech").

Oleh itu, Lampiran Dasar ini menangani perbezaan dalam aplikasi daripada Dasar Global yang terpakai dalam entiti GPT di Republik Czech, iaitu: Cimbria HMD, s.r.o. ("Syarikat").

2.0 SKOP APLIKASI & ENTITI YANG DILINDUNGI

Lampiran Dasar ini bukan sahaja terpakai kepada semua pegawai, pengarah, kakitangan dan kakitangan sementara (secara kolektif, "Rakan Sekutu") dan kepada semua ejen Syarikat termasuk tetapi tidak terhad kepada, kontraktor, perunding dan wakil (secara kolektif, "Individu Bersekutu") tetapi juga kepada:

- pemegang saham dan pemegang hak mengundi dalam perhimpunan agung Syarikat;
- ahli badan pentadbiran, pengurusan atau penyeliaan Syarikat;
- kakitangan luar dan sambilan Syarikat;
- kontraktor bersama Syarikat dan sub-kontraktornya;
- sukarelawan atau pelatih;
- mereka yang melaporkan atau mendedahkan secara terbuka maklumat tentang pelanggaran yang diperoleh dalam hubungan berasaskan kerja dengan Syarikat yang telah berakhir; dan
- mereka yang hubungan berasaskan kerja dengan Syarikat masih belum bermula dalam kes di mana maklumat tentang pelanggaran telah diperoleh semasa proses pengambilan pekerja atau rundingan pra-kontrak lain di Republik Czech.

3.0 DEFINISI

Definisi Pemberi Maklumat dan Kelakuan yang Boleh Dilaporkan di bawah Dasar ini diperluaskan di bawah undang-undang Czech seperti berikut:

- Pemberi Maklumat (Pendedah Dilindungi): didefinisikan sebagai "individu perseorangan yang memaklumkan tentang kemungkinan pelanggaran telah berlaku atau akan berlaku dan mempunyai ciri-ciri kesalahan jenayah atau salah laku atau melanggar undang-undang pendedahan maklumat atau perundangan lain atau kepentingan kewangan Kesatuan Eropah atau pasaran dalamannya";
- Kelakuan yang Boleh Dilaporkan (Kelakuan Tidak Wajar) termasuk, sebagai tambahan kepada definisi dalam Dasar global, pelanggaran sedemikian.

Pendedahan fakta, maklumat atau dokumen yang boleh mengancam keselamatan negara, berkaitan dengan aktiviti perkhidmatan perisikan atau pemberitahuan yang menjadi pelanggaran untuk mengekalkan kerahsiaan golongan paderi dalam menjalankan kerahsiaan pengakuan adalah dilarang dan tidak akan termasuk dalam skop Dasar Global atau Lampiran Dasar ini.

4.0 SALURAN-SALURAN LAPORAN

Pemberi Maklumat boleh menghantar laporan melalui:

- Saluran laporan dalaman;
- Laporan luar ke Kementerian Kehakiman Republik Czech;
- Pendedahan Awam (hanya dibenarkan di bawah syarat tertentu yang ditetapkan oleh Undang-undang

4.1 SALURAN LAPORAN DALAMAN

Pemberi Maklumat boleh menghantar laporan dalaman melalui saluran yang dinyatakan dalam Dasar Global. Ianya mudah diakses melalui pautan tersedia di laman web Syarikat: [GPT Alertline](#). Selepas log masuk ke portal, Pemberi Maklumat boleh menggunakan menu khusus untuk memilih negara syarikat Kumpulan tertentu yang berkaitan dengan laporan sebelum membuat penghantaran.

Saluran dalaman membolehkan Pemberi Maklumat:

- mengemukakan laporan melalui apa jua cara (bertulis atau lisan). Jika laporan diberikan secara lisan, ia boleh dilakukan melalui telefon atau jika diminta oleh Pemberi Maklumat, boleh memilih melalui sidang video atau pertemuan fizikal yang dilakukan dalam tempoh masa yang munasabah, tetapi tidak lewat daripada empat belas (14) hari dari tarikh permintaan.
- Sebarang rakaman audio memerlukan persetujuan Pemberi Maklumat; jika tidak, minit bertulis disediakan dan ditandatangani. Pegawai yang Ditetapkan hendaklah memberi peluang kepada Pemberi Maklumat untuk mengulas mengenai rekod bertulis laporan tersebut atau transkrip rakaman audionya. Komen Pemberi Maklumat hendaklah dilampirkan pada rakaman atau transkrip.
- membuat laporan tanpa nama, jika dianggap perlu.

Pemberi Maklumat akan dimaklumkan secara bertulis tentang penerimaan laporan dalam masa tujuh (7) hari selepas penerimaannya. Pegawai yang Ditetapkan akan mengekalkan komunikasi dengan Pemberi Maklumat dan boleh meminta maklumat lanjut daripadanya.

Pegawai yang Ditetapkan wajib menilai sama ada laporan itu berasas dan memaklumkan Pemberi Maklumat secara bertulis tentang hasil penilaian ini dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan laporan. Dalam kes yang rumit dari segi fakta atau undang-undang, had masa boleh dilanjutkan sehingga 30 hari, tetapi tidak lebih daripada dua kali. Pegawai yang Ditetapkan wajib memaklumkan Pemberi Maklumat secara bertulis tentang lanjutan had masa ini dan sebab-sebab lanjutan sebelum had masa asal berakhir.

Semasa susulan, Pegawai yang Ditetapkan hendaklah memaklumkan Pemberi Maklumat tentang hasil laporan, iaitu:

- (I) memaklumkan bahawa penyerahan tersebut bukan merupakan laporan dalam maksud Akta Perlindungan Pemberi Maklumat Czech; dalam kes sedemikian, Pegawai yang Ditetapkan hendaklah dengan segera memaklumkan Pemberi Maklumat secara bertulis tentang perkara ini;
